

SELAMAT DATANG TAHUN 2016

1.6 juta orang terima faedah satu kenaikan gaji tahunan ikut gred mulai Julai depan

Penjawat awam naik gaji

Kosmo
31/12/2015
m/s 8

Oleh ZULKIFLI MANZOR dan MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR

SEJUMLAH 1.6 juta penjawat awam menerima berita baik apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan akan memberi faedah pemindahan gaji bersamaan satu kenaikan gaji tahunan mengikut gred pada tahun hadapan.

Perdana Menteri semasa membentangkan Bajet 2016 yang bertema 'Mensejahtera Kehidupan Rakyat' di Dewan Rakyat pada 23 Oktober lalu berkata, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM1.1 bilion bagi melaksanakan kenaikan



SERAMAI 1.6 juta penjawat awam menerima kenaikan gaji tahunan dengan kerajaan memperuntukkan sebanyak RM1.1 bilion untuk tujuan tersebut mulai Julai depan. - Gambar hiasan

tersebut bermula pada Julai depan.

Menurut Najib, kerajaan prihatin terhadap kebaji-

kan kakitangan awam dan menghargai sumbangan serta khidmat bakti mereka terhadap negara.



NAJIB membentangkan Bajet 2016 yang prihatin terhadap penjawat awam sekali gus menghargai sumbangan mereka terhadap negara di Dewan Rakyat pada 23 Oktober lalu.

Kerajaan turut menyediakan hampir RM1 bilion yang akan diberikan kepada semua penjawat

awam sebanyak RM500 dan pesara awam pula menerima RM250 pada Januari depan.

Pesara awam turut menerima imbuhan apabila kerajaan menetapkan kadar pencen minimum RM950 sebulan. Ia melibatkan hampir 50,000 pesara awam yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun.

Selain itu, gaji permulaan terendah dalam perkhidmatan awam pula dinaikkan kepada RM1,200 sebulan yang akan memberi manfaat kepada 60,000 penjawat awam.

Tambah Najib lagi, pegawai lantikan 'Perkhidmatan Kontrak' yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun dalam perkhidmatan awam juga akan dilantik secara tetap.